



PEDIH untuk menelan kenyataan bahawa pertemuan terakhir kami baru seminggu yang lalu tanpa

menggarap bahawa itu adalah pertemuan terakhir kami, dan saat penting itu akan terus melekat di ingatan dan sanubari yang terdalam. Justeru, saat mengenang sejarah panjang saya bersama beliau, saya terusik dengan rasa kagum dan keterujaan yang tinggi.

“Sesungguhnya kita semua milik Allah, dan kepada-Nya kita semua akan kembali”. (Al Baqarah: 156)

Masih saya ingat dalam banyak sesi kuliah dan syarahannya saat menuntut di Universiti Malaya yang sarat dengan kebijaksanaan yang berselirat dengan mesej yang mengajak untuk menegakkan keyakinan, dan itu juga bermaksud untuk bersikap kritikal, mempersoal status quo dan mendambakan sebuah sistem bermasyarakat-yakni sebuah tatanan yang adil dan saksama.

Sosok Syed Husin berjuang sekerasnya untuk nasib mereka yang miskin, melarat dan tertindas, sambil mempertaruhkan jiwanya dalam mendepani permasalahan kemiskinan dan perjuangan kaum tani seperti Hamid Tuah dan juga nasib kaum buruh di Selangor pada sekitar 1960an.

Dia berdiri tegak di situ, di barisan paling hadapan, terutamanya dalam mendukung perjuangan warga di bandar-bandar, petani di Baling, serta mahasiswa yang berjuang dalam mengangkat kepentingan rakyat.

Legasi yang ditinggalkan sosok kecil ini ternyata tidak kecil, dan ia berlanjutan melebihi dewan dan gedung-gedung



ANWAR Ibrahim bersama Syed Husin Ali dalam sidang media di Kuala Lumpur pada 11 Mac. 2008.-AFP

Penghormatan buat guru saya, Pak Syed Husin Ali

akademik. Sebagai tokoh besar dalam lapangan sains sosial, penulis dan pemikir, dia telah meninggalkan khazanah pengetahuan yang sangat besar dan meluas tatkala beliau berkongsi keghairahannya itu dengan Tongkat Warrant (Usman Awang) di dasawarsa-dasawarsa lampau, dan ia terbukti melalui perannya sebagai Presiden PENA.

Keterlibatannya di jalur politik progresif sebagai Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) dari 1990-2003, dan kemudian sebagai pengasas bersama serta Timbalan Presiden Parti Keadilan

Rakyat (KEADILAN) lantas memperkukuh penjiwaannya kepada prinsip keadilan dan dalam membentuk serta mencorak sebuah Malaysia yang lebih baik.

Penghargaan setingginya buat Pak Syed kerana menjadi sosok guru yang luar biasa hebat, mentor dan juga sahabat. Semangat juangnya akan terus menyemarak di banyak sanubari, dan legasi besarnya itu akan terus mengemudi arah dan masa depan bangsa. Semoga Allah SWT melimpahkan belas kasih-Nya yang tidak terhingga ke atas roh Pak Syed, Insha-Allah.



SYED Husin Ali, selaku Presiden Parti Rakyat Malaysia ketika itu bersama Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, isteri kepada Perdana Menteri. Anwar Ibrahim, menghadiri perhimpunan di Kuala Lumpur 28 Mei 2001. - AFP



ANWAR Ibrahim bercakap kepada pemberita bersama Syed Husin Ali di Kuala Lumpur pada 11 Mac 2008, tiga hari selepas hari mengundi Pilihan Raya Umum 2008. - AFP



ANWAR Ibrahim bercakap melalui telefon bimbitnya di sebelah Syed Husin Ali semasa perhimpunan di Selangor pada 1 Julai 2008. - AFP